  - b) Manfaat Polisi didefinisikan dibawah Deskripsi Manfaat tidak akan dibayar sekiranya sebarang kesakitan atau kecederaan Pihak Diinsuranskan itu keluar negara atau keluar dari negara residen pihak yang diinsuranskan itu untuk mendapatkan rawatan bagi kesakitan atau kecederaan dan akan dianggap sebagai pesakit hospital diluar Malaysia atau negara residen Pihak Diinsuranskan itu.

## DEFINISI

1. "Penginsurans" atau "Syarikat" bermaksud RHB Insurance Bhd
2. "Tarikh Efektif Polisi" bermaksud tarikh polisi insurans ini berkuatkuasa seperti yang tercatat didalam Jadual Polisi
3. "Jadual" bermaksud yang berhubung kait dengan jadual polisi dan membentuk sebahagian daripada kandungan polisi itu.
4. "Pihak Diinsuranskan" atau "Pihak yang Dilindungi" bermaksud pihak yang dinyatakan didalam Jadual Polisi/ Sijil Insurans.
5. "Tunai Harian Hospital" bermaksud manfaat yang dibayar setiap hari di dalam wad hospital sebagai pesakit residen dalam wad akibat daripada kesakitan atau kecederaan yang dilindungi oleh polisi ini.

6. "Kemalangan" bermaksud kejadian yang tidak dijangka, mengejut, tidak disangka-sangka dan berlaku pada masa dan tempat yang boleh dikenalpasti menjadi punca kepada kecederaan badan dan anggota tubuh.
7. "Kecederaan" bermaksud kecederaan tubuh badan yang hanya disebabkan oleh kemalangan.
8. "Sakit", "Penyakit" bermaksud perubahan keadaan fizikal yang dikesan melalui perubahan patologi daripada keadaan kesihatan normal
9. "Hilang Upaya" bermaksud kesakitan, dijangkiti penyakit atau segala kecederaan berpunca dari satu atau lebih dari satu kemalangan.
10. Mana-mana Satu "Ketidakupayaan" bermaksud semua tempoh ketidakupayaan yang timbul akibat daripada sebab yang sama termasuk mana-mana atau semua kesulitan kecuali jika Pihak Diinsuranskan sembuh sepenuhnya dan tidak perlu lagi mendapatkan rawatan lanjutan (termasuk ubat-ubatan, pemakanan khusus atau suntikan atau nasihat untuk keadaannya) ketidakupayaan tersebut untuk tempoh sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar wad dan ketidakupayaan selepas itu akibat daripada sebab yang sama akan dianggap sebagai ketidakupayaan yang baru.
11. "Penyakit Pra-wujud" bermaksud ketidakupayaan yang diketahui sewajarnya oleh Pihak Diinsuranskan. Pihak Diinsuranskan adalah dikira punya pengetahuan sewajarnya tentang keadaan pra-wujud dimana keadaannya adalah seperti:
  - a) Pihak Diinsuranskan telah mendapatkan rawatan atau sedang menjalani rawatan;
  - b) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disarankan;
  - c) tanda-tanda yang nyata telah kelihatan; atau
  - d) kewujudannya adalah jelas kepada seseorang didalam suatu keadaan.
12. "Penyakit Khusus" bermaksud ketidakupayaan berikut dan komplikasi berkaitan, berlaku dalam tempoh 120 hari pertama Insurans untuk Pihak Diinsuranskan:
  - a) "Hypertension", "diabetes mellitus" dan penyakit kardiovaskular
  - b) Semua tumor, kanser, "cysts", "nodules", "polyps", batu pada sistem urin dan biliari
  - c) Semua keadaan telinga, hidung (termasuk resdung) dan tekak
  - d) "Hernias", "haemorrhoids", "fistulae", "hydrocele", "varicocele"
  - e) "Endometriosis" termasuk penyakit system "Reproduction"
  - f) Ketidaktentuan "vertebra-spinal" (termasuk disk) dan keadaan lutut
13. "Tempoh Menunggu" bermaksud 30 hari pertama di antara bermulanya ketidakupayaan Pihak Diinsuranskan dan tarikh Polisi ini berkuatkuasa/tarikh penguatkuasaan semula dan digunakan hanya apabila seseorang itu mula dilindungi. Ia tidak boleh digunapakai selepas setahun seseorang itu dilindungi. Walaupun begitu, jika terdapat penanguhan dalam insurans, Tempoh Menunggu akan digunapakai semula.
14. "Keadaan Semasa Lahir" bermaksud sebarang keadaan tidak normal perubatan atau fizikal wujud semasa lahir, juga perkembangan tidak normal yang wujud dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh lahir. Ia termasuk semua jenis hernias dan epilepsi kecuali bila disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Pihak Diinsuranskan dilindungi secara berterusan dibawah polisi ini.
15. "Hospital" bermaksud sebuah tempat yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai sebuah Hospital kerajaan I swasta (tidak termasuk Hospital Tentera) untuk penjagaan dan rawatan orang-orang sakit dan cedera yang berbayar, dan dimana ia:-
  - a) punya peralatan untuk memeriksa dan melakukan pembedahan besar
  - b) menyediakan dua puluh empat (24) jam sehari khidmat jururawat oleh jururawat-jururawat berdaftar yang berkelayakan
  - c) berada dibawah penjagaan sorang Doktor Pakar; dan
  - d) bukan sebuah klinik, tempat penjagaan penagih arak atau dadah, tempat penjagaan atau rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang tua dan yang sepertinya
16. "Diwadkan Dihospital" bermaksud Pihak Diinsuranskan didaftar dan dimasukkan ke hospital sebagai pesakit melebihi dua belas (12) jam.
17. "Unit Rawatan Rapi" bermaksud satu seksyen dalam hospital yang dikhaskan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital tersebut, dan

diselenggara dua puluh empat jam (24) jam hanya untuk rawatan ke atas pesakit yang kritikal dan dilengkapi untuk memberi perkhidmatan jururawat dan perubatan khas yang tidak didapati dibahagian lain Hospital itu.

18. "Doktor" atau "Pakar" atau "Pakar Bedah" atau "Pengamal Perubatan" bermaksud seorang pengamal perubatan yang berdaftar dan dilesenkan untuk mempraktikkan perubatan barat dimana khidmat perubatan diberikan dan sesiapa yang memberi khidmat tersebut melakukannya didalam skop dimana dia dilesenkan dan mempunyai latihan di kawasan geografi di mana dia mempraktikkannya, tetapi tidak termasuk seorang doktor atau pakar atau pakar bedah atau pengamal perubatan yang juga merupakan Pihak Diinsuranskan.
19. "Negara Residen" bermaksud :-  
Negara dimana Pihak Diinsuranskan adalah penduduk tetap atau/dan;  
Lain-lain Negara dimana Pihak Diinsuranskan dihantar, atau menetap, untuk tempoh berturut-turut selama tiga puluh hari atau lebih
20. "Perubatan Yang Perlu" bermaksud khidmat perubatan seperti berikut:-
  - a) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan untuk Ketidakupayaan yang dilindungi
  - b) mengikut piawaian khidmat perubatan yang betul
  - c) bukan untuk kesenangan Pihak Diinsuranskan atau Doktor Pakar
  - d) bukan untuk percubaan, penyiasatan atau penyelidikan
  - e) dan dimana caj-cajnya adil dan berpatutan untuk seseorang yang tidak upaya

#### MANFAAT PRODUK

MANFAAT	PELAN	
	GOLD	DIAMOND
Tunai Harian Hospital	RM100 sehari	RM200 sehari
Tunai Harian Rawatan Rapi	RM200 sehari	RM400 sehari
Bayaran "Lump Sum"	RM500	RM1,000

#### DESKRIPSI MANFAAT

##### 1. Tunai Harian Hospital

Apabila penyakit atau kecederaan menyebabkan Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke hospital, dan tertakluk kepada ianya berlaku semasa dalam tempoh insurans dibawah Polisi ini untuk Pihak Diinsuranskan tersebut, Syarikat akan membayar manfaat tunai harian hospital seperti dinyatakan dalam Jadual Polisi untuk tempoh kemasukan ke hospital Pihak Diinsuranskan terhad kepada tempoh maksimum selama 180 hari untuk satu ketidakupayaan dan mana-mana satu tahun Polisi.

##### 2. Tunai Harian Rawatan Rapi

Apabila penyakit atau kecederaan menyebabkan Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi, Syarikat akan membayar manfaat seperti dinyatakan dalam Jadual Polisi terhad kepada tempoh maksimum selama 30 hari untuk satu ketidakupayaan dan mana-mana satu tahun Polisi.

##### 3. Bayaran "Lump Sum"

Apabila penyakit atau kecederaan menyebabkan kemasukan ke hospital melebihi 15 hari berturut-turut sebagai pesakit dalaman hospital yang sama, bayaran "lump sum" untuk orang tersebut akan dibayar seperti dinyatakan dalam Jadual Polisi dan wang tersebut adalah untuk mana-mana satu ketidakupayaan dan mana-mana satu tahun Polisi.

#### PENGECUALIAN AM

Tiada manfaat akan dibayar berkaitan dengan sebarang tempoh kemasukan ke hospital melainkan kemasukan tersebut telah dicadangkan dan diluluskan oleh pengamal perubatan berdaftar dan mengikut diagnosis dan rawatan untuk keadaan dimana kemasukan ke hospital itu diperlukan.

Polisi ini tidak melindungi;

- a) Semua Penyakit Sedia Ada.
- b) Semua Penyakit yang dinyatakan yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama berturut-turut perlindungan.
- c) Sebarang keadaan-keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalafhl tempoh 30 hari pertama perlindungan Pihak Diinsuranskan atau tarikh dinyatakan semula yang mana lebih kemudian melainkan kecederaan kemalangan.

- d) Pembedahan Plastik!Kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata atau pembedahan membetulkan penglihatan (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau pembelian peralatan 'prosthetic' luaran atau peralatan seperti organ bahagian badan palsu, alat bantuan pendengaran, alat bantuan pergerakan yang diimplan dan preskripsi yang sepertinya
- e) Keadaan gigi termasuk rawatan gigi atau pembedahan oral melainkan keperluan akibat Kecederaan Kemalangan kepada gigi-gigi asli yang sihat berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
- f) Penjagaan persendirian, penyembuhan rehat atau penjagaan sanitari, ubat-ubatan tidak sah, intoksikasi, pensterilan, penyakit 'venereal' dan yang berkaitan, AIDS (Sindrom Memerlukan Imunisasi Kekurangan atau ARC (yang berkaitan dengan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit yang mengikut undang-undang perlu dikuarantin.
- g) Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keadaan tidak normal atau kekurangan yang sedia ada termasuk keadaan akibat keturunan.
- h) Mengandung, melahirkan anak (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan penjagaan serta pembedahan sebelum dan selepas kelahiran, kaedah kawalan kelahiran 'contraseptive' secara mekanikal atau bahan kimia atau rawatan yang berkaitan kesuburan. Mati pucuk dan ujian-ujian atau rawatan berkaitan dengannya
- i) Diwadkan dihospital untuk tujuan siasatan, diagnosis, pemeriksaan X-ray, pemeriksaan am fizikal atau perubatan, tidak memerlukan rawatan atau diagnosis untuk Ketidakupayaan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu mengikut perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, perubatan atau pemeriksaan berbentuk pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pengamal Perubatan, dan rawatan- rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan.
- j) Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau kecederaan kepada diri sendiri yang disengajakan samada waras atau tidak waras
- k) Peperangan atau sebarang tindakan berperang, sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak, aktiviti- aktiviti jenayah atau pelampau, tugas yang aktif dalam tentera, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan civil atau pergolakan.
- l) Sesiapa yang tinggal diluar Malaysia untuk lebih daripada enam bulan berturut-turut, Polisi ini dianggap terbatal.
- m) Pengionan atau pencemaran radioaktif daripada bahan buangan nuklear atau pembakaran bahan api nuklear yang di proses secara 'nuclear fission' atau daripada sebarang bahan-bahan lain senjata nuklear
- n) Perbelanjaan yang timbul untuk pendermaan mana-mana organ badan oleh Pihak Diinsuranskan dan kos belian organ itu termasuk semua kos penderma semasa pemindahan organ dan komplikasi-komplikasi terbabit
- o) Penyiasatan dan rawatan untuk gangguan tidur dan dengkur, terapi gantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, servis atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada servis kiropraktik, 'acupuncture', 'acupressure', refleksologi, 'bonesetting', rawatan herba, urutan atau terapi aroma atau lain- lain rawatan alternatif.
- p) Penjagaan atau rawatan dimana bayaran tidak diperlukan atau dimana ia akan dibayar oleh lain-lain insurans atau indemnity melindungi Pihak Diinsuranskan dan Ketidakupayaan yang timbul akibat menjalankan tugas ketika bekerja atau kerjaya yang dilindungi dibawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
- q) Gila, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang manifestasi saraf dan keadaan fisiologi atau 'psychosomatic').
- r) Penyakit atau kecederaan disebabkan oleh sebarang jenis perlumba (selain daripada lumba jalan kaki), sukan lasak seperti tetapi tidak terhad kepada lompatan udara, lompatan ski air, aktiviti dalam air dengan menggunakan alat pernafasan dalam air, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram.
- s) Penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam sebarang syarikat penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui tempat- tempat yang telah ditetapkan.
- t) Perbelanjaan untuk menukar jantina.

#### SYARAT-SYARAT AM

1. **Kenyataan Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**  
Apabila Pihak Diinsuranskan telah memohon Insurans ini sepenuhnya untuk diri sendiri/keluarga/tanggungannya, Pihak Diinsuranskan

mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini). Dalam kata lain, Pihak Diinsuranskan haruslah menjawab soalan-soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan kepada terma atau penamatan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Pihak Diinsuranskan juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang diketahui oleh Pihak Diinsuranskan yang akan mempengaruhi keputusan pihak Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu pihak Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Pihak Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan pihak Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

## 2. Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Polisi ini akan menjadi efektif pada tarikh yang dinyatakan dalam Jadual I Sijil Insurans. Anniversari polisi adalah satu tahun selepas tarikh efektif dan setiap tahun selepas itu. Pada setiap anniversari, Polisi ini oleh diperbaharui pada kadar premium yang berkuatkuasa pada waktu itu dan Syarikat akan memberi notis bertulis kepada Pihak Diinsuranskan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pertukaran dikuatkuasa.

Polisi ini boleh diperbaharui atas pilihan Syarikat. Permohonan untuk pertukaran manfaat kepada pelan lebih tinggi hanya boleh dibuat semasa pembaharuan dan tertakluk kepada persetujuan Syarikat sewaktu pembaharuan.

## 3. Pembatalan

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pemegang Polisi bila-bila masa dengan memberi 14 hari notis bertulis kepada Syarikat, dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa tahun polisi semasa, Pemegang Polisi berhak mendapat pulangan semula premium seperti berikut:-

Tempoh Tidak Melebihi	Pulangan Semula Premium Tahunan
15 hari	90% (sah untuk pembaharuan sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan semula

## 4. Premium

Tunai Sebelum Perlindungan

Adalah menjadi perkara asas dan memang menjadi syarat istimewa untuk kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu bayar mesti dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat daripada tarikh permulaan polisi ini I pengendorsan I pembaharuan sijil.

Jika premium dibayar itu diterima oleh ejen Syarikat yang bertauliah, bayaran itu adalah dianggap diterima oleh Syarikat bagi tujuan jaminan ini dan tanggungjawab untuk memastikan bayaran premium diterima oleh seseorang, termasuk seorang ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium itu adalah tanggungjawab Syarikat.

Tertakluk sebaliknya kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini.

## 5. Prosedur Tuntutan

i. Apabila berlaku kejadian yang boleh menyebabkan tuntutan dibuat dibawah Polisi ini, notis bertulis perlu diberi kepada Jabatan Tuntutan Syarikat, Level 12, West Wing, The Icon, No. 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur secepat mungkin dan, dalam sebarang keadaan, dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kejadian. Syarikat kemudiannya akan memberi Pihak Diinsuranskan boring-borang untuk memfailkan bukti tuntutan

ii. Sebarang dokument atau bukti yang diperlukan oleh Syarikat untuk membuktikan tuntutan perlu diserahkan oleh Pihak Diinsuranskan atas perbelanjaan beliau sendiri. Sebarang pemeriksaan yang diperlukan oleh Syarikat untuk membuktikan tuntutan adalah diatas perbelanjaan Syarikat. Syarikat akan, jika berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan berhak agar pemeriksaan 'post-mortem' dilakukan atas perbelanjaannya sendiri dimana ia tidak dilarang oleh Undang-undang

iii. Kegagalan memberitahu Syarikat dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menidakkan tuntutan jika ianya boleh dijelaskan, yang memuaskan Syarikat bahawa adalah mustahil untuk memberikan bukti berkenaan dalam tempoh yang telah ditetapkan untuk tuntutan yang sememangnya benar.

## 6. Pembayaran Manfaat

Manfaat perlu bayar dibawah Polisi ini akan dibayar kepada Pihak Diinsuranskan, jika beliau meninggal dunia, manfaat akan dibayar kepada Waris yang dinamakan atau kepada estet beliau sekiranya tiada Waris yang dinamakan, kecuali jika Pihak Diinsuranskan adalah seorang Islam, dimana pembayaran manfaat dibawah Polisi ini akan ditentukan oleh Undang-undang Islam yang berkenaan dan Undang-undang Syariah yang diguna pakai.

## 7. Salah Nyata Umur

Jika umur Pihak Diinsuranskan telah tersalah nyata dan premium yang dibayar tidak mencukupi akibat daripada perkara itu, sebarang tuntutan boleh bayar dibawah Polisi ini akan dikira pro-rata berasaskan nisbah jumlah premiu'TI yang dibayar dengan jumlah premium yang sepatutnya dicajkan pada tahun itu. Sebarang lebihan premium yang mungkin dibayar akibat kesalahan pernyataan umur itu, akan dikembalikan tanpa faedah. Jika pada umur yang betul Pihak Diinsuranskan tidak sepatutnya layak untuk perlindungan dibawah Polisi ini, tiada manfaat yang akan dibayar.

## 8. Interpretasi

Polisi ini, termasuk borang penyertaan I borang cadangan, Jadual Polisi, pengendorsan dan perubahan jika ada, hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau kenyataan yang makna khususnya telah dilampirkan akan, kecuali konteks memerlukan sebaliknya, memberi makna khusus di mana jua ia tertera.

## 9. Perubahan

Syarikat berhak untuk melakukan perubahan terma dan syarat Polisi ini dengan memberi notis bertulis 30 hari dengan pos biasa kepada alamat terakhir yang Tuanpunya diketahui dalam rekod Syarikat, dan perubahan tersebut adalah digunapakai bermula daripada pembaharuan Polisi yang seterusnya. Tiada perubahan kepada polisi ini adalah sah melainkan Disahkan oleh Syarikat dan kelulusan itu diperakui. Penginsurans perlu memberi notis bertulis 30 hari kepada Pemegang Polisi I Pihak Diinsuranskan mengikut alamat terakhir yang direkod untuk sebarang perubahan yang dibuat.

## 10. Undang-undang yang digunapakai

Polisi ini adalah di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dipelihara oleh undang-undang di Malaysia

## 11. Tindakan Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh diambil untuk mendapatkan semula Polisi sebelum tamat tempoh atau enam puluh (60) hari setelah bukti tuntutan telah diserahkan mengikut keperluan Polisi ini. Jika Pihak Diinsuranskan gagal untuk memberi bukti kehilangan seperti yang dinyatakan dalam terma, peruntukan dan syarat Polisi ini, Pihak Diinsuranskan boleh, dalam tempoh satu tahun kalendar daripada masa bukti bertulis kehilangan sepatutnya diberikan, menyerahkan bukti kehilangan yang relevan kepada Syarikat dengan alasan yang meyakinkan sebab-sebab gagal mengikut terma, peruntukan dan syarat Polisi ini. Penerimaan bukti kehilangan ini adalah di atas jasa baik dan pertimbangan Syarikat. Setelah tempoh dibenarkan itu lupus, Syarikat tidak akan menerima, bagi sebarang alasan 1bukti kehilangan bertulis tersebut.

## 12. Pertukaran Alamat, Pekerjaan, Pencarian, dll.

Pihak Diinsuranskan akan memberi notis serta merta kepada Syarikat jika terdapat pertukaran alamat, peke aan, pencarian atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal akibat penyakit yang dijangkiti Pihak Diinsuranskan.

## 13. Salah Nyata atau Ketinggalan Fakta Penting

Jika:

(a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang Pihak Diinsuranskan berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana

cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau

- (b) sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, Pihak Diinsuranskan gagal mendedahkan apa-apa fakta yang Pihak Diinsuranskan ketahui yang berkaitan dengan keputusan pihak Syarikat untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- (c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.

maka dalam mana-mana hal di atas, Polisi ini adalah batal.

#### 14. Matawang untuk Pembayaran

Semua bayaran dibawah Polisi ini akan dibayar dalam matawang sah Malaysia. Sekiranya kemasukan ke hospital luar Negara, bil-bil di dalam matawang yang lain daripada Ringgit Malaysia akan dibayar melalui pertukaran matawang mengikut kadar dinyatakan (kadar pasaran terbuka jika ianya pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh Pihak Diinsuranskan dikeluarkan daripada hospital.

#### 15. Tempoh Bertenang

Polisi telah dikeluarkan dan untuk sebarang sebab Pihak Diinsuranskan memutuskan untuk tidak mengambil Polisi, Pihak Diinsuranskan boleh memulangkan Polisi/ Sijil Insurans kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permintaan untuk pembatalan tersebut diserahkan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran Polisi. Pihak Diinsuranskan berhak mendapat kembali semua premium yang telah dibayar ditolak perbelanjaan perubatan oleh Syarikat ketika mengeluarkan Polisi.

#### 16. Syarat Pembatalan Portfolio

Syarikat berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia memutuskan untuk tidak meneruskan produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan diberi melalui notis bertulis kepada pemegang polisi dan Syarikat akan menghabiskan semua polisi kepada tarikh luput tempoh perlindungan dalam portfolio.

#### 17. Residen Luar Negara

Tiada manfaat perlu bayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Pihak Diinsuranskan diluar Malaysia, jika Pihak Diinsuranskan tinggal atau melancong ke luar Malaysia untuk tempoh lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

#### 18. Syarat Duluan Terhadap Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak menuntut di bawah Polisi dan kebenaran bagi pernyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini

#### 19. Tuntutan Tidak Lengkap

Semua tuntutan mesti diserahkan kepada Syarikat dalam tempoh 30 hari berlakunya kejadian yang mana tuntutan ini dibuat. Tuntutan-tuntutan tidak akan dianggap lengkap dan Manfaat-manfaat berkenaan tidak akan dibayar melainkan segala bil-bil untuk tuntutan tersebut telah diserahkan dan dipersetujui oleh Syarikat. Sebarang perbezaan atau pengecualian tersebut adalah atas budi bicara Syarikat sahaja.

#### 20. Notis

Setiap notis atau komunikasi kepada Syarikat perlulah secara bertulis dan dihantar kepada Syarikat. Tiada perubahan kepada terma-terma Polisi ini atau pengendorsan akan dianggap sah melainkan ia ditandatangani oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

#### 21. Polisi Naiktaraf

Jika Manfaat-manfaat yang dinyatakan untuk Pihak Diinsuranskan dibawah terma-terma Polisi ini ditambah semasa ia masih berkuatkuasa atau semasa Pembaharuan atau gantian dan jika Pihak Diinsuranskan dikaitkan dengan Ketidakupayaan sebelum atau pada waktu Manfaat-manfaat itu ditambah. Had Manfaat- manfaat perlu bayar berkaitan dengan Ketidakupayaan tersebut tidak melebihi Had Manfaat-manfaat sebelum tarikh Manfaat-manfaat dinaiktaraf.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

### BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

#### Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad  
Aras 12B, West Wing, The Icon  
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,  
55000 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-220-007  
Faks: 03-2163 7277  
E-mel : complaints\_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

**Anda** boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

#### Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2272 2811  
Faks: 03-2272 1577  
E-mel : enquiry@ofs.org.my  
Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

### NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.



**BNMTELELINK**

Jabatan Komunikasi Korporat  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 1300-88-5465 (LINK)  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my  
Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

<b>HEAD OFFICE / IBU PEJABAT</b>	<b>CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN</b>	<b>CALL CENTRE / PUSAT PANGGILAN</b>
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729 Website : www.rhbgroup.com/insurance	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277 Email : rhbi.general@rhbgroup.com	Claims Inquiries : 03 - 2180 3030